



KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024

POSITIF • PROGRESIF • INOVATIF

SIDANG PLENO SESI LIBAT URUS

Perundingan

YBhg. Datuk Wira Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki
Pengerusi MARA

2 Mac 2024 (Sabtu), 9:00 Pagi

Dewan Plenary, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)



KERAJAAN perlu menterjemahkan semua dapatan agar mudah difahami oleh golongan pelaksana dan kemudiannya menggariskan keperluan kerja yang diperlukan oleh pegawai kerajaan.

Pastikan tekad bantu bumiputera berjaya

SAUDARA PENGARANG,

KONGRES Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB 2024) yang berlangsung pada 29 Februari hingga 2 Mac lalu telah menghasilkan satu lagi kesinambungan dasar dalam mengupaya dan memperkasa ekonomi bumiputera.

Sesungguhnya tekad-tekad dalam Transformasi Ekonomi Bumiputera (TEB) telah mengambil semua aspek aspirasi asal perlembagaan negara serta dinamika cabaran tatakelola masa kini.

Oleh yang demikian menjadi tanggungjawab besar kepada semua agensi dalam sektor kerajaan bagi memastikan tekad ini berjaya dilaksanakan. Tekad ini bukanlah sesuatu yang sukar untuk dijangka malah dalam banyak keadaan ia kekal relevan sejak era Dasar Ekonomi Baru (DEB) lagi. Namun ia gagal dilaksanakan dengan sempurna sebelum ini.

Tiga ikhtiar TEB iaitu Perbadanan Tanah Bumiputera yang akan merangka mekanisme pemilikan tanah, Wakaf Kesihatan dan Pendidikan serta Mengindustrikan Pertanian menggunakan teknologi dan inovasi baharu melalui sebuah entiti memerlukan usaha yang bersungguh-sungguh dari semua pihak.

Sudah semestinya agensi kerajaan yang terlibat perlu menyambutnya sebagai satu bentuk keazaman serta model pembangunan yang berkesan. Hanya dengannya ia mampu melonjakkan ekonomi bumiputera yang lebih terangkum dan mampan.

Sehubungan dengan itu, TEB seharusnya diambil perhatian serius, difahami dan dikuasai oleh seluruh agensi kerajaan khususnya yang terlibat secara langsung

dengan agenda pelaksanaan dasar. Jika tidak ia bakal menjadi sebahagian daripada naratif usaha dasar pemeraksanaan bumiputera yang gagal dilaksanakan.

Begitu banyak dapatan kompleks terhasil daripada 10 kumpulan bidang yang diketuai oleh pelbagai tokoh. Dalam kata lain segala isu dan cabaran serta congakkan keberkesanan dasar, strategi, inisiatif dan sasaran sedia ada telah puas dibincangkan.

Segala sumbang saran dan input puas diterjemahkan dengan berakhirnya kemuncak KEB 2024. Namun apakah langkah kerja yang perlu disambut dan dilakukan selepas ini oleh agensi kerajaan? Bagaimana mahu menterjemahkan semua dapatan agar mudah difahami oleh golongan pelaksana dan kemudiannya menggariskan keperluan-keperluan kerja yang diperlukan?

Sudah semestinya dalam hal ini para pegawai kerajaan khususnya dalam kelompok Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) mempunyai beberapa pengalaman pertama dalam merangka serta mengetuai keperluan pelaksanaan dasar sekali gus memastikan literasi berkesan dilakukan kepada semua penjawat awam.

Nilai positif, progresif dan inovatif yang disarankan dalam TEB dalam menetapkan hala tuju serta pendekatan baharu Agenda Pemeraksanaan Bumiputera yang lebih adil, saksama dan inklusif selari dengan aspirasi Malaysia Madani harus menjadi panduan utama setiap agensi kerajaan.

DR. LUTFAN JAES

Dekan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)